



**FINAL EXAMINATION /PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 2 – SESSION 2017 / 2018  
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : UHAS 1172  
KOD KURSUS

COURSE NAME : DINAMIKA MALAYSIA  
NAMA KURSUS

YEAR / PROGRAMME : 1 (SATU)  
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 JAM  
TEMPOH

DATE : APRIL 2018  
TARIKH

**INSTRUCTION/ARAHAN :**

**BAHAGIAN A:**

Jawab semua soalan di dalam borang OMR yang disediakan. **(40 MARKAH)**

**BAHAGIAN B:**

Jawab semua soalan di dalam **buku jawapan** yang disediakan. **(20 MARKAH)**

( You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script )  
( Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan )

STUDENT'S NAME / NAMA PELAJAR	:	.....
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	.....
YEAR / PROGRAMME TAHUN / PROGRAM	:	.....
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:	.....
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:	.....

This examination paper consists of 13 pages including the cover  
*Kertas soalan ini mengandungi 13 muka surat termasuk kulit hadapan*

## PUSAT PROGRAM KERJASAMA

### PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK

#### 1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

- 1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-
  - 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
  - 1.1.2 menggunakan makluman yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
  - 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
  - 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

#### 2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

- 2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-
  - 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
  - 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.
- 2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tata tertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tata tertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.
- 2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tata tertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tata tertib Pelajar-pelajar), 1999.

**Bahagian A : (40 Markah)**

Jawab semua soalan di dalam borang OMR yang disediakan

1. Menurut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, YDPA bertanggungjawab untuk menjaga kedudukan istiwewa orang Melayu dengan mendapat nasihat daripada;
  - A. Majlis Raja-raja
  - B. Jemaah Menteri
  - C. Perdana Menteri
  - D. Timbalan Menteri
2. Antara pernyataan berikut, siapakah yang bertanggungjawab untuk menjaga hak istimewa orang Melayu di Persekutuan Malaysia?
  - A. YDPA
  - B. Sultan atau Yang Dipertua Negeri
  - C. Perdana Menteri
  - D. Ketua Setiausaha Negara
3. Sekiranya seseorang ditahan kerana cuba menggunakan isu bahasa ia boleh dikenakan tindakan di bawah;
  - A. Akta Keselamatan Dalam Negeri
  - B. Akta Hasutan 1948
  - C. Akta Dadah Berbahaya
  - D. Akta Jenayah
4. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada;
  - A. Bahasa Melayu bahasa kebangsaan negara
  - B. Kepentingan bahasa Melayu
  - C. Bahasa Melayu bahasa orang Melayu
  - D. Orang bukan Melayu juga boleh menggunakan bahasa Melayu
5. Orang Melayu mendapat hak istimewa dalam perkara-perkara berikut iaitu;
  - I. Perkhidmatan Awam
  - II. Ekonomi
  - III. Pendidikan
  - IV. Kemasukan ke kolej swasta
  - A. I & II
  - B. I, II & III
  - C. II, III & IV
  - D. I, II, III & IV

6. Malayan Union 1946 mempunyai ciri-ciri berikut kecuali
  - A. Kuasa Raja-Raja Melayu dikekalkan
  - B. Diketuai oleh Gabenor Inggeris
  - C. Pengenalan kerakyatan Jus Soli
  - D. Malayan Union diisytiharkan pada 1 April 1946
7. Salah satu kesan hasil daripada pengenalan Malayan Union adalah penubuhan UMNO. Pengasas parti UMNO pada masa ini adalah;
  - A. Tunku Abdul Rahman
  - B. Tun Abdul Razak
  - C. Dato Onn Jaafar
  - D. Dr. Burhanuddin
8. Suruhanjaya Reid dianggotai oleh Lord Reid, Sir William McKell, Hakim B. Malik, Hakim Abdul Hamid dan individu X. Siapakah X tersebut?
  - A. Sir Ivor Jennings
  - B. Sir Andrew Clarke
  - C. Sir Lord Lansdowne
  - D. Tunku Abdul Rahman
9. Perkara \_\_\_\_\_ menegaskan Agama Islam sebagai agama bagi persekutuan, tetapi mana-mana agama boleh diamalkan dengan aman dan damai di negara ini.

A. 4 (1)	C. 2 (1)
B. 3 (1)	D. 1 (1)
10. Hak istimewa orang Melayu termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

A. Perkara 152	C. 2 (1)
B. Perkara 160	D. 1 (1)
11. Siapakah gabenor pertama Malayan Union?
  - A. Ivor Jennings
  - B. Sir Edward Gent
  - C. William McKell
  - D. Harold Mac Michael
12. Pilih pernyataan yang SALAH tentang Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
  - A. Perlembagaan Malaysia mengandungi 15 bahagian 183 perkara & 13 jadual
  - B. Perlembagaan negara kita adalah tidak boleh dipinda
  - C. Perlembagaan merupakan sumber undang-undang tertinggi sesebuah Negara
  - D. Perlembagaan berperanan sebagai garis panduan pembentukan undang-undang samaada di pihak pemerintah mahu pun rakyat.

13. Perkara 89 Perlembagaan Malaysia menyentuh tentang:
  - A. Tanah Rezab Melayu
  - B. Kebebasan bersuara
  - C. Pendidikan
  - D. Kebebasan beragama
14. Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan asas kepada pembentukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia?
  - A. Perlembagaan Persekutuan 1909
  - B. Perlembagaan Persekutuan 1948
  - C. Perlembagaan Tanah Melayu 1957
  - D. Perlembagaan Inggeris
15. Pegawai British yang bertanggungjawab memperkenalkan Malayan Union ialah:
  - A. W.W. Duff
  - B. Stamford Raffles
  - C. Harold Mac Micheal
  - D. Andrew Clarke
16. Pemeteraiyan Perjanjian Pangkor telah membawa kepada pengenalan Sistem Residen di Tanah Melayu. Bilakah Perjanjian Pangkor dimeterai?

A. 1874	C. 1784
B. 1872	D. 1782
17. Manakah berikut bukan merujuk kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)?
  - A. Perak
  - B. Selangor
  - C. Negeri Sembilan
  - D. Perlis
18. Unit pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) dibentuk menerusi
  - A. Perjanjian Pangkor
  - B. Perjanjian Bangkok
  - C. Perjanjian Kontrak
  - D. Perjanjian Pertahanan Tanah Melayu-British
19. Demokrasi permuafakatan berteraskan kepada beberapa prinsip. Manakah berikut bukan prinsip permuafakatan?
  - A. Tolak ansur
  - B. Tawar menawar
  - C. Asimilasi
  - D. Akomodasi

20. Manakah berikut bukan komponen Barisan Nasional (BN)?

- A. Parti Progresif Penduduk (PPP)
- B. Parti Solidariti Tanah Airku (STAR)
- C. Parti Demokratik Sabah (PDS)
- D. Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDS)

21. Apakah matlamat utama pembangunan politik?

- A. Pembangunan negara bangsa
- B. Pembangunan negara demokratik
- C. Pembangunan negara berwawasan
- D. Pembangunan negara maju

22. Manakah berikut bukan komponen amalan demokrasi?

- A. Parti politik
- B. Parlimen
- C. Kerajaan negeri
- D. Perlembagaan negara

23.

Parti X merupakan parti bersifat multietnik yang dibangunkan oleh Dato' Onn Jaafar. Namun, parti ini tidak mendapat sambutan sehingga tewas dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952.

Berdasarkan pernyataan diatas, Parti X merujuk kepada

- A. Parti Perikatan
- B. Parti Kemerdekaan Malaya
- C. Parti Setanah Melayu
- D. Parti Progresif Penduduk

24. Mengapakah Dato' Onn Jaafar keluar daripada parti UMNO pada tahun 1951?

- A. Cadangan beliau membuka UMNO kepada etnik bukan Melayu ditolak.
- B. Beliau gagal menjalankan tanggungjawabnya dalam parti UMNO.
- C. Beliau tidak diterima dalam parti UMNO.
- D. Beliau enggan bersetuju dengan pembentukan parti Perikatan.

25. Berapakah bilangan kerusi yang dipertandingkan semasa Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952?

- A. 9
- B. 10
- C. 11
- D. 12

26. Sesi rundingan untuk menuntut kemerdekaan yang diadakan di London, telah diadakan pada

- A. 16 Januari sehingga 6 Februari 1956.
- B. 17 Januari sehingga 7 Februari 1956
- C. 18 Januari sehingga 8 Februari 1956.
- D. 19 Januari sehingga 9 Februari 1956.

27. Manakah berikut **bukan** parti yang bersifat multietnik?

- A. Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan)
- B. *National Convention Party* (NCP)
- C. *United Party* (UP)
- D. *United National Kadazan Organization* (UNKO)

28. Manakah padanan di bawah ini **tidak benar**?

	<b>Parti</b>	<b>Manifesto</b>
A	DAP	Perubahan
B	PKR	Harapan Baru untuk Malaysia
C	PAS	Negara Kebajikan
D	BN	Bersih, Cekap dan Amanah

29. Perubahan pola dan corak pengundian pada tahun 2008 dapat dilihat seperti berikut:

- I. Pola pengundian tidak lagi berdasarkan etnik dan agama.
  - II. Pengundi memilih sesuatu parti atau calon merentasi garis perjuangan perkauman.
  - III. Pengundi lebih berminat terhadap isu yang lebih besar dan utama membabitkan tadbir urus yang baik, ketelusan, akauntabiliti, kebebasan bersuara, keadilan dan seumpamanya.
  - IV. Pengundi lebih gemar mengundi parti atau calon yang boleh mempertahankan hak-hak sesuatu etnik bagi membolehkan survival sesebuah etnik.
- A. I, II & III
  - B. I, II & IV
  - C. II, III & IV
  - D. I, II, III & IV

30. Siapakah Ketua Menteri Sarawak yang pertama?

- A. Stephen Kalong Ningkan
- B. Datu Abang Haji Openg
- C. Abdul Rahman Ya'kub
- D. Tuanku Haji Bujang

31. Berikut merupakan sebab manusia mengamalkan agama, kecuali

- A. Warisan kebudayaan
- B. Naluri semula jadi
- C. Tuntutan sesebuah negara
- D. Mengukuhkan ikatan persaudaraan

32. Sumber ajaran Islam terbahagi kepada dua iaitu, Al-Quran dan perkara yang merangkumi ucapan, tindakan serta sifat-sifat Rasulullah SAW dalam bentuk menifestasi ajaran islam yang dikenali sebagai:

- A. Kitab tafsir
- B. Al-Sunnah
- C. Sirah para nabi
- D. Kitab Feqah

33. "Percaya kepada *qada'* dan *qadar*" adalah perkara yang terkandung di dalam rukun:

- A. Rukun Islam
- B. Rukun Tetangga
- C. Rukun Solat
- D. Rukun Iman

34. Sebelum menyambut perayaan Aidilfitri, orang Islam dikehendaki membayar zakat bagi membantu fakir miskin dan orang yang memerlukan. Zakat tersebut dikenali sebagai:

- A. Zakat Harta
- B. Zakat Mas
- C. Zakat Fitrah
- D. Zakat Pendapatan

35.

- Shinto
- Anamisme
- Buddha

Agama di atas berada di dalam penggolongan agama jenis:

- A. Agama ciptaan manusia
- B. Agama Samawi
- C. Agama Asia Tenggara
- D. Agama primitif

36. Majoriti penganut Buddha di Malaysia terdiri daripada etnik Cina yang berpegang kepada Mazhab:

- A. Mahayana
- B. Mahabratra
- C. Hinayana
- D. Theravada

37. Apakah maksud "Gautama" dalam ajaran Buddha?
- A. Seorang yang arif
  - B. Seorang yang bercahaya
  - C. Seorang penuntut
  - D. Seorang pendeta
38. Antara prinsip yang terpenting diseru oleh Buddha ialah:
- A. Etika dan moral
  - B. Menghormati jiran
  - C. Pembasmian kasta
  - D. Kasih sayang kepada semua makhluk
39. Perayaan Wesak disambut bersempena dengan:
- A. Hari kelahiran Siddharta Gautama sebagai pencetus ajaran Buddha.
  - B. Hari kehidupan semula Gautama sebagai penganut ajaran Buddha.
  - C. Hari memperingati jasa Siddharta Gautama dalam menyelamatkan golongan perajurit.
  - D. Hari memperingati kelahiran, kemunculan dan pencapaian Gautama Buddha ke *nirvana*.
40. Gelaran "*Brahman*" merupakan gelaran yang diberikan kepada:
- A. Kitab Veda
  - B. Pendeta Hindu
  - C. Penuntut Hindu
  - D. Pengasas agama Hindu
41. Dalam setiap Kitab Veda mempunyai empat pembahagian iaitu *Samhita*, *Brahman*, *Aranyaka* dan
- |                                 |                              |
|---------------------------------|------------------------------|
| A. Upanishads<br>B. Mahabharata | C. Ramayana<br>D. Athar Veda |
|---------------------------------|------------------------------|
42. Tanda warna yang dipakai pada dahi penganut Hindu adalah berbeza mengikut lelaki dan wanita yang belum berkahwin dan wanita yang sudah berkahwin. Tanda ini disebut sebagai:
- |                       |                      |
|-----------------------|----------------------|
| A. Nandek<br>B. Pottu | C. Kesh<br>D. Gangga |
|-----------------------|----------------------|
43. Dua amalan penting dalam Kristian yang berlangsung di dalam gereja ialah pembaptisan dan \_\_\_\_\_.
- A. Easter
  - B. Krismas
  - C. Eukaris
  - D. Good Friday

44. "Eukaris" atau Perhimpunan Suci atau Makan Malam Terakhir merupakan makan \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ sebagai tanda perpaduan antara pengikut Kristian dan Jesus.
- A. Ayam belanda - wine
  - B. Roti - wine
  - C. Roti - keju
  - D. Ayam - pai
45. Kitab suci utama dalam ajalan agama Sikh dikenali sebagai:
- A. Sri Guru Granth Sahib Ji
  - B. Guru Ka Langgar
  - C. Guru Nanak
  - D. Granthi Sahib
46. Penganutnya menyembah dan memuja batu, pokok, sungai, gunung, patung dan benda hasil buatan mereka sendiri seperti keris dan tombak. Kenyataan berikut menerangkan tentang kepercayaan:
- A. Taoisme
  - B. Konfucius
  - C. Animisme
  - D. Judaisme
47. Kegagalan seseorang atau suatu kelompok untuk memahami dan seterusnya menghormati ajaran dan upacara agama lain akan menyebabkan berlakunya:
- A. Konflik agama
  - B. Peperangan
  - C. Kemelaratan hidup
  - D. Penukaran agama
48. Berikut merupakan pernyataan berkaitan segregasi kecuali;
- A. Pemisahan/pengasingan antara satu kumpulan etnik dengan kumpulan etnik lain
  - B. Proses mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan etnik.
  - C. Kawasan tempat tinggal, jenis pekerjaan, sistem sekolah mengikut bahasa ibunda masing-masing.
  - D. Mengukuhkan lagi kuasa politik dan ekonomi British di Tanah Melayu.
49. Kemiskinan dan pembangunan merupakan salah satu cabaran dalam memupuk Integrasi. Ia dapat dilihat melalui:
- A. Peristiwa 13 Mei 1969
  - B. Rusuhan etnik di Kampung medan
  - C. Penjajahan Bintang Tiga selama 14 hari.
  - D. Dasar Aperteid yang dilakukan di Malaysia.

50. Konsep 1Malaysia diperkenalkan melalui slogan?
- Rakyat didahulukan pencapaian diutamakan.
  - 1 hati, 1 jiwa, 1Malaysia.
  - Keranamu Malaysia.
  - Pemerintah dan Rakyat berpisah tiada.
51. Badan yang ditubuhkan dan bertanggungjawab memupuk dan memelihara perpaduan antara etnik merujuk kepada;
- MAGERAN
  - JPAM
  - JPNIN
  - JKKK
52. Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Ekonomi baru diperkuuhkan lagi dengan pengenalan;
- Perlembagaan Negara
  - Rukun Negara
  - Kuasa Legislatif
  - Dasar Wawasan Negara
53. Penyataan yang **benar** mengenai Strategi Kesimbangan Ekonomi dalam memupuk integrasi dalam Malaysia.
- Pengenalan etnik diutamakan berdasarkan kegiatan ekonomi.
  - Membasmi kemiskinan dengan mengira perbezaan wilayah.
  - Mengimbangkan kedudukan sosioekonomi antara etnik dan wilayah.
  - Sentimen kedudukan sosioekonomi ditingkatkan.
54. Penggunaan satu bahasa yang sama merupakan salah satu alat yang paling berkesan untuk memupuk perpaduan. Ia dapat dibuktikan apabila;
- Hubungan diplomatik antara etnik dicapai dengan mudah.
  - Interpretasi alam dan realiti dibandingkan.
  - Pelbagai etnik dan keturunan boleh berkomunikasi antara satu sama lain dengan selesa.
  - Bahasa Melayu hanya dipelopori oleh kaum Cina dan India sahaja.
55. Penguatkuasaan sekatan di sisi undang-undang ke atas kebebasan bercakap, berhimpun dan tahanan preventif merupakan sebahagian daripada;
- Strategi Penggunaan Tenaga Manusia.
  - Strategi Persefahaman Politik.
  - Strategi Keselamatan.
  - Strategi Keseimbangan Politik.

56. Penyataan yang **tidak benar** mengenai Sekolah Wawasan:

- A. Dua atau tiga jenis sekolah rendah yang berlainan bahasa pengantar di satu kawasan yang sama.
- B. Berkongsi kemudahan asas seperti padang permainan dan dewan.
- C. Pelajar tidak bebas bergaul dan berinteraksi.
- D. Pentadbiran dilakukan dalam kawasan yang sama.

57. Media massa juga memainkan peranan berkesan untuk membantu memupuk perpaduan dengan bantuan:

- I. Ahli politik
  - II. Penerbit akbar dan majalah
  - III. Pengamal Media
  - IV. Pengendali stesen televisyen swasta
- A. I, II & III
  - B. I, II & IV
  - C. I, III & IV
  - D. II, III & IV

58. Pada tahun bilakah Rukun Tetangga diperkenalkan?

- A. 1975
- B. 1957
- C. 1969
- D. 1996

59. Ahli Rukun Tetangga melakukan perkara berikut **kecuali**

- A. Tidak menjadi perantara dalam isu konflik hubungan etnik.
- B. Kunjung mengunjungi semasa musim perayaan.
- C. Kursus motivasi untuk sistem pendidikan.
- D. Lawatan ke rumah orang miskin.

60. Peranan utama Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri (JKPPN) ialah:

- A. Membincangkan isu perpaduan dan integrasi nasional.
- B. Membahaskan isu perkauman di Parlimen.
- C. Memupuk kesedaran dan penghayatan kumpulan sasaran.
- D. Menghasilkan satu etika yang dikongsi bersama untuk rakyat Malaysia.

~~Soalan Objektif Tamat~~  
*Sila lihat Bahagian B seterusnya*

**BAHAGIAN B : (20 markah)**

Jawab **semua soalan** di dalam buku jawapan yang disediakan.

1. a. Jelaskan definisi tentang rasisme mengikut Banton. **(2 markah)**
  
- b. "*Integrasi adalah proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik*". (Ahmad Haji Kambar, 1987). Berdasarkan kepada pernyataan di atas, bincangkan **empat (4)** konsep integrasi yang diamalkan di Negara kita. **(8 Markah)**
  
2. Terangkan secara ringkas tujuan utama kerajaan memperkenalkan *Industria Coordination Act* (ICA) pada tahun 1975. **(5 markah)**
  
3. Secara umumnya pengenalan Dasar Ekonomi Baru(DEB) yang bermula pada tahun 1971 sehingga 1990 berakibat dari peristiwa 13 Mei 1969 telah memberikan kesan yang positif terhadap masyarakat Bumiputera terutamanya dalam sektor keahlian profesional/teknikal. Bincangkan secara ringkas. **(5 markah)**

~~~SOALAN TAMAT~~~  
*Selamat Berjaya*

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

*[ This page is purposely left blank ]*